

PEKELILING KEWANGAN BIL. 10/2017

Ketua Pusat/Bahagian/Jabatan/Unit

Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM), Pusat Perubatan UKM

YBhg. Prof./ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

PERUBAHAN PELAKSANAAN CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (CBP/GST) DI PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan pindaan terhadap P.U. (A) 244 Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pindaan) 2017 adalah berkaitan.

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan memaklumkan mengenai perubahan pelaksanaan layanan GST di Pusat Perubatan UKM yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia yang dikategorikan sebagai pembekalan dikecualikan (*Exempt Supply*) di bawah GST.

2.0 LATARBELAKANG

- 2.1 Pusat Perubatan UKM telah melaksanakan layanan GST mulai 1 April 2015. Semua perkhidmatan jagaan kesihatan pesakit di Pusat Perubatan UKM turut dikenakan Cukai Barang Dan Perkhidmatan (GST/CBP) sebanyak 6% kecuali sebahagian ubat-ubatan yang dibawah kategori Senarai Ubat Penting Kebangsaan (NEML) yang merupakan pembekalan berkadar sifar.
- 2.2 Ini disebabkan Pusat Perubatan UKM merupakan sebuah hospital pengajar (HPU) dan tidak tertakluk kepada sebarang pelepasan pengecualian daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia berikutan status hospital yang bukan berdaftar di bawah Akta 586 (Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan 1998).
- 2.3 Kementerian Kewangan telah meneliti permohonan HPU berkaitan layanan GST ke atas perkhidmatan jagaan kesihatan yang dibekalkan oleh Hospital Pengajar



MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 3962

Jabatan Kewangan, Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia
Tingkat 1, Kompleks Pendidikan Perubatan Canselor Tuanku Ja'afar, Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak, 56000 Cheras, Kuala Lumpur, MALAYSIA.
Telefon: +603-9145 5240/5197/5242 Faksimili: +603-9145 5186 E-mel : akaunjke@ppukm.ukm.my
Laman Web: <http://ppukm.ukm.my/kewangan>

Universiti dan Pusat Kesihatan Universiti (PKU) yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) dan telah **bersetuju** bahawa perkhidmatan yang dibekalkan oleh HPU dan PKU dikategorikan sebagai **pembekalan dikecualikan** di bawah Jadual Kedua dalam Butiran 18, Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pembekalan Dikecualikan) (Pindaan) 2017.

3.0 PELAKSANAAN

Semua perkhidmatan jagaan kesihatan yang dibekalkan oleh Pusat Perubatan UKM dikategorikan sebagai pembekalan dikecualikan (*Exempt Supply*) di bawah GST. Walau bagaimanapun, perkhidmatan yang tidak berkaitan dengan perkhidmatan jagaan kesihatan masih kekal bercukai.

4.0 TARIKH KUATKUASA DAN PENGGUNAAN PEKELILING

Pekeliling ini berkuatkuasa 1 September 2017. Perubahan Penggunaan Kod Cukai adalah seperti di Lampiran 1.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



NORINI MOHAMAD

Ketua

Jabatan Kewangan

Hospital Canselor Tuanku Muhriz

Pusat Perubatan UKM

- s.k
- Dekan Fakulti Perubatan dan Pengarah, HCTM, PPUKM
 - Timbalan-Timbalan Dekan, HCTM, PPUKM
 - Ketua Pegawai Operasi, HCTM, PPUKM
 - Edaran



MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR3962

Jabatan Kewangan, Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia
Tingkat 1, Kompleks Pendidikan Perubatan Canselor Tuanku Ja'afar, Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak, 56000 Cheras, Kuala Lumpur, MALAYSIA.
Telefon: +603-9145 5240/5197/5242 Faksimili: +603-9145 5186 E-mel : akaunjke@ppukm.ukm.my
Laman Web: <http://ppukm.ukm.my/kewangan>

LAMPIRAN 1

PERKHIDMATAN RAWATAN PESAKIT (OUTPUT TAX)

PERKARA	KOD ASAL	PERUBAHAN KOD CUKAI
PENDAFTARAN PESAKIT	SR (6%)	SR (6%)
PERKHIDMATAN RAWATAN PESAKIT (Rawatan Ulangan, Ubat, Radiologi, Prosedur, Ujian Makmal)	SR (6%)	ES (0%)
PENJUALAN ALAT CONSIGNMENT /ALAT SOKONGAN /ALAT SEWAAN PERUBATAN	SR (6%)	SR (6%)
PENJUALAN UBAT DI KEDAI FARMASI i. Tanpa Preskripsi Doktor (Bergantung pada Kategori Senarai Ubat dibawah NEML) ii. Dengan Preskripsi Doktor	SR (6%)/ ZRL(0%)	SR (6%)/ ZRL(0%) ES (0%)
PENERIMAAN BAYARAN DEPOSIT	OS (0%)	OS (0%)

PERKHIDMATAN LAIN –LAIN (BUKAN PESAKIT) (OUTPUT TAX)

PERKARA	KOD ASAL	PERUBAHAN KOD CUKAI
Perkhidmatan sewaan tapak /booth/dewan/padang untuk menjalankan aktiviti	SR (6%)	SR (6%)
Penganjuran seminar/bengkel/kursus	SR (6%)	SR (6%)
Perkhidmatan hebahan melalui TV/Board Digital/Siaraya	SR (6%)	SR (6%)
Perkhidmatan kecergasan dan kesihatan (Spa, Gym, Pusat kecantikan)	SR (6%)	SR (6%)
Perkhidmatan sewaan kepada Hospital Swasta (Dewan Bedah) untuk pesakit hospital tersebut.	SR (6%)	SR (6%)
Jualan Aset/Harta Benda Universiti	SR (6%)	SR1 (6%)

PEMBELIAN (INPUT TAX)

PERKARA	KOD ASAL	PERUBAHAN KOD CUKAI
PEMBAYARAN TUNTUTAN KAKITANGAN	NR(0%)	NR(0%)
PEMBAYARAN TUNTUTAN RAWATAN KLINIK PANEL	NR(0%)	EP(0%)
PEMBELIAN BUKU/BAHAN-BAHAN BERCETAK i. Kegunaan Perpustakaan ii. Selain daripada perkara (i)	ZP(0%) TX (6%)	ZP (0%) TX-N43(6%)
PEMBELIAN DAN PENYELENGGARAAN KENDERAAN PENUMPANG i. Melebihi 9 Tempat Duduk ii. Tidak Melebihi 9 Tempat Duduk	TX(6%) BL(6%)	TX-RE(6%) BL(6%)
PEMBELIAN UBAT* i. Pembelian hanya untuk pesakit HUKM ii. Sebahagian untuk pesakit HUKM dan UKMSC iii. Sepenuhnya akan dijual di kedai Farmasi <i>*Sekiranya kategori senarai ubat dibawah NEML, kod Cukai adalah ZP (0%)</i>	TX (6%) ZP(0%)	TX-N43(6%) TX-RE(6%) TX (6%) ZP(0%)

PEMBELIAN BARANG, PERKHIDMATAN DAN PENYELENGGARAAN (INPUT TAX)

TUJUAN	PERAWATAN PESAKIT		PENTADBIRAN	
	Mengurus & Pembangunan	Tabung	Komersial	Pentadbiran
Pembelian Barang	RO(0%)	TX-N43(6%)	TX(6%)	TX-RE(6%)
Perkhidmatan & Penyelenggaraan	TX-N43(6%)		TX(6%)	TX-RE(6%)